

REMAJA DAN ASPIRASI NEGARA MELALUI PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Oleh **IZANI HAJI DAUD**

TRANSFORMASI sistem pendidikan bertujuan melahirkan generasi masa hadapan yang menjadi aset kepada negara. Antara ciri pelajar atau remaja yang diperlukan untuk memenuhi keperluan misi negara ini terutamanya ialah berkeperibadian tinggi, intelek, berdaya saing, mempunyai jati diri yang kukuh dan berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai sejagat.

Selain usaha kerajaan dan guru yang merealisasikan hasrat dasar tersebut, para pelajar sendiri juga hendaklah mempunyai iltizam yang tinggi untuk memajukan diri. Para pelajar hendaklah peka terhadap hasrat kerajaan dan harapan masyarakat kepada mereka.

Sebagai seorang pelajar yang akan menjadi aset kepada negara, mereka hendaklah mempunyai keperibadian yang tinggi. Asas kejayaan pelajar ialah disiplin. Mereka perlu mempunyai kesedaran mendisiplinkan diri, mematuhi peraturan yang ditetapkan di sekolah, mengawal diri daripada terjebak dengan masalah disiplin dan mengelakkan diri daripada berkawan dengan pelajar yang mempunyai masalah disiplin kerana dikhuatiri akan dipengaruhi oleh tingkah laku yang tidak baik, yang boleh merosakkan diri mereka.

Untuk menjadi pelajar intelek, para pelajar hendaklah melengkapkan diri dengan input ilmu yang mencukupi. Pelajar hendaklah belajar bukan sekadar untuk cemerlang dalam peperiksaan tetapi berkemampuan untuk merealisasikan ilmu yang diperoleh. Contohnya, seorang pelajar sekolah yang mempelajari karangan

jenis wawancara hendaklah bukan sahaja boleh menulis skrip wawancara itu dalam bentuk penulisan, malah boleh melakonkan wawancara, yakni menjalankan aktiviti ramah sesama mereka (pelajar), supaya ilmu yang dipelajari itu dapat diaplikasikan dalam dunia sebenar.

Selain itu, pelajar juga hendaklah mempunyai jati diri yang kukuh. Dalam dunia yang semakin canggih dan dipenuhi dengan pelbagai ilmu teknologi, kekuatan diri amat diperlukan khususnya dalam kalangan pelajar bagi menepis unsur dan pengaruh luar yang boleh menyesatkan dan merosakkan pemikiran. Para pelajar seharusnya memberikan tumpuan penuh terhadap pelajaran bukannya melibatkan diri dengan kegiatan yang tidak berfaedah yang hanya merugikan diri sendiri, keluarga dan negara.

Datuk Rohani Abdul Kadir, Timbalan Menteri Perdagangan, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan bahawa kecemerlangan sesebuah negara sebenarnya terletak pada sumber tenaga manusia bukannya pembangunan fizikal semata-mata. Menurut beliau lagi, pelajar dapat melakukan yang terbaik untuk masyarakat, negara dan agama seandainya mempunyai sikap yang positif dan wawasan yang jelas. Dalam pada itu, para pelajar juga diingatkan, dalam dunia yang semakin canggih dan dipenuhi dengan pelbagai ilmu teknologi moden, kekuatan diri amatlah dituntut bagi menepis pengaruh luar yang mampu menyesatkan golongan pelajar

Pelajar sebagai modal insan bukan sahaja diperlukan untuk menyerlahkan diri pada peringkat tempatan

atau kebangsaan sahaja tetapi juga pada peringkat antarabangsa. Para pelajar hendaklah menyediakan diri secara lebih global. Mereka mesti menguasai dunia teknologi yang semakin pantas dewasa ini. Pelajar di sekolah hendaklah menyahut misi nasional negara, iaitu berkemampuan menggunakan ilmu secara kreatif dan berimaginasi untuk menghasilkan inovasi dan ciptaan bernilai tinggi dengan memiliki kemahiran yang mudah dilentur dan mudah diubahsuai serta mampu meningkatkan pengetahuan dan menambah baik kemahiran.

Sebagai seorang muda belia yang bakal mengambil alih teraju pimpinan negara pada masa hadapan, para pelajar hendaklah mempunyai jati diri yang utuh. Pelajar yang berada di bangku sekolah sekarang ini mestilah mempunyai keazaman yang kuat untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dengan berusaha bersungguh-sungguh dan membuat perancangan yang rapi bagi merealisasikan apa-apa yang dicitakan.

Pelajar hendaklah tahan diuji dalam segala cabaran yang dihadapi. Mereka hendaklah menjadi manusia yang tidak mudah mengalah dan putus harapan apabila berhadapan dengan kepayahan dan kesusahan. Sikap negatif yang ada dalam diri mereka seperti tidak yakin diri, malu bertanya dan perasaan rendah diri hendaklah dihindari. Sebaliknya, pelajar hendaklah menanam sikap sentiasa tidak puas hati akan kejayaan yang sedikit atau sederhana, justeru hendaklah berusaha habis-habisan dengan menggunakan segala kemampuan diri yang ada untuk mencapai kecemerlangan. Ungkapan "kecemerlangan milik semua" hendaklah terpacu di jiwa pelajar. Ungkapan ini penting kerana terdapat dalam kalangan pelajar yang merasakan kejayaan atau kecemerlangan itu milik mereka (pelajar) tertentu sahaja, menyebabkan mereka hanya berpuas hati setakat yang ada sahaja.

Selain mempunyai jati diri yang kukuh, dalam berdepan dengan cabaran alaf baru ini, para pelajar hendaklah berpegang teguh kepada agama. Setiap agama menyeru kepada kebaikan. Seseorang yang mempunyai pegangan agama akan sedaya upaya mentaati apa-apa yang disuruh dan menjauhi apa-apa yang dilarang oleh agama. Penghayatan terhadap agama akan memudahkan seseorang itu mengamalkan sikap, perbuatan, tutur kata yang baik sebagaimana yang dianjurkan oleh agama mereka. Oleh itu, dalam usaha melahirkan generasi yang mempunyai pegangan agama



Remaja adalah aset penting untuk menerajui negara.

yang teguh, maka mulai dari sekarang para pelajar harus membiasakan diri dengan sikap, percakapan dan tingkah laku yang baik dan menjauhkan diri daripada perkara yang dilarang agama agar para pelajar mampu memberikan sumbangan positif kepada masyarakat dan negara.

Jelaslah, Transformasi Pendidikan Negara merupakan salah satu usaha untuk mencapai misi nasional negara. Usaha ini memerlukan penggabungan tenaga yang bersungguh-sungguh bukan sahaja daripada organisasi pendidikan dan para guru tetapi yang lebih utama daripada pelajar itu sendiri supaya mereka mempunyai hala tuju yang jelas. Pelajar hendaklah diberi kesedaran akan peranan yang harus dimainkan pada peringkat sekolah untuk bersama-sama mencapai aspirasi negara seterusnya mencapai misi nasional negara menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

1. Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa.
2. Memastikan setiap murid profisien dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.
3. Melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai.
4. Transformasi kejuruan sebagai profesion pilihan.
5. Memastikan pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah.
6. Mengupaya Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan.
7. Memanfaatkan Teknologi Maklumat bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.
8. Transformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian pendidikan.
9. Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas.
10. Memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit.
11. Meningkatkan ketelusan akauntabiliti awam.